

# FRIM bantu Sarawak terokai industri herba

LUCIA TEREY JOHN

KUCHING, Ahad - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bertekad untuk membantu Sarawak meneroka dan mempelopori bidang herba bagi memastikan negeri ini mampu mewujudkan industri herbanya sendiri di samping melahirkan ramai peladang berjaya.

Ketua Program Sumber Biologi FRIM, Mohd Shahidan Mohamad Arshad berkata pada tahun lalu nilai industri itu dicatat pada angka RM10 bilion dan ia harus dimanfaatkan Sarawak yang kaya dengan pelbagai jenis tumbuhan.

"Kita percaya Sarawak mempunyai potensi besar untuk mempelopori bidang ini, sebab itu kita dah bekerjasama den-

gan pelbagai agensi di sini sejak tiga tahun lalu bagi memberi pendedahan awal kepada mereka yang berminat," katanya ketika ditemui sempena lawatan isteri Yang di-Pertua Negeri, Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Norkiah ke galeri pameran seminar Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) di Pusat Pembangunan Yayasan Sarawak di sini pagi tadi. Turut hadir ialah Pengurus PPWS, Nancy Shukri.

Menurut Shahidan, salah satu cara FRIM membantu Sarawak adalah mengajurkan seberapa banyak bengkel dan kursus herba kepada petani yang ingin bergiat menanam herba.

"Selain dua alternatif itu, kita juga mengadakan kerjasama dengan PPWS dalam menarik minat wanita (selain lelaki) untuk bergiat aktif terhadap

penanaman herba misalnya misai kucing," jelas beliau sambil memberitahu ketika ini nilai herba di dunia sudah mencecah RM200 bilion.

Menurut Shahidan, antara hasil yang dapat dilihat menerusi kerjasama FRIM dan PPWS iaitu adalah seminar herba yang diadakan semalam bagi menerangkan potensi serta nilai herba kepada kaum wanita.

"Kami amat bangga dengan hasil tersebut kerana ia tidak hanya menyedarkan kaum wanita malah telah menggabungkan pelbagai pihak seperti Dewan Bandaraya Kuching Utara untuk memperkenalkan produk herba mereka," tegasnya.

Sebanyak 25 gerai pameran dibuka dari jam 8 pagi hingga 5 petang sepanjang seminar berkenaan.



**POKOK GAHARU** ... Isteri Yang di-Pertua Negeri merangkap Penaung PPWS, Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Norkiah, tertarik mendengar penerangan yang disampaikan Jude Jali, mengenai kaedah pemprosesan kayu gaharu, semasa melawat Galeri Pameran PPWS, di Pusat Pembangunan Pendidikan, Yayasan Sarawak, Jalan Sultan Tengah, di Kuching, semalam. Turut kelihatan Nancy Shukri. • AWANG KUSHAIRY JUNAIDI